

Sultan yakin kepimpinan Dr. Mahathir terus dihayati

perdana

SINTOK 15 Julai — Sultan Kedah yakin kepimpinan selepas Tun Dr. Mahathir Mohamad akan terus menjadikan Wawasan 2020 sebagai asas kepada perjuangan rakyat Malaysia untuk mencapai kemajuan yang setanding dengan negara-negara maju.

Menurut baginda, walaupun sepanjang pentadbiran Dr. Mahathir tidak semua aspek yang terkandung dalam wawasan itu dilaksanakan, ia diharapkan akan menjadi kenyataan kelak.

Sultan Kedah yang juga Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) bertitah demikian pada Majlis Konvokesyen Khas Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan Pembangunan kepada Dr. Mahathir di UUM, di sini hari ini.

Turut menerima ijazah kehormat ialah Tun Dr. Siti Hasmah yang dianugerahkan doktor falsafah dalam bidang Pengurusan Kerja Sosial.

Sementara itu, Sultan Kedah bertitah, baginda dan seluruh rakyat negeri ini amat berbangga kerana Dr. Mahathir, seorang anak kelahiran Kedah telah mengilhamkan penerbitan UUM yang akan menjadi simbol kepada kemantapan sosial, ekonomi dan politik.